

AMANAT PRESIDEN BELUM SEPENUHNYA DIFAHAMI

U.M. 10 NOV 1992

Oleh
Chamil Wariya

PERHIMPUNAN Agung UMNO 1992 berakhir Ahad lalu. Selama tiga hari, 1752 orang perwakilan parti telah melakukan interaksi perbagai dimensi: dua hala antaramereka dengan pucuk pimpinan, perbagaihala antara mereka sesama sendiri.

Mereka telah mendengar amanat presiden serta para pemimpin utama parti yang lain. Mereka juga telah memberi *input* kepada para pemimpin parti untuk dijadikan ikutan dan dasar kerajaan.

Cadangan-cadangan munasabahnya tentunya akan mendapat perhatian sejajar dengan kedudukan Perhimpunan Agung UMNO sebagai badan pembuat dasar tertinggi parti.

Yang tidak, siang-siang lagi telah ditolak seperti yang jelas terbayang dalam ucapan-ucapan menggulung perbincangan para pemimpin tertinggi parti pada hari terakhir persidangan.

Bagaimanapun, persoalan yang lebih menarik untuk diperhatikan selepas perhimpunan itu selesai:

Apakah mesej-mesej penting yang ingin disampaikan oleh presiden parti, baik dalam amanat pembukaan atau sewaktu menggulung perbincangan, telah dihayati, difahami dan diterima sepenuhnya oleh para perwakilan UMNO yang telah menghadiri perhimpunan agung tersebut?

Apakah seruan Dr. Maha-

thir Mohamad kepada para orang UMNO khususnya dan Melayu amnya supaya mereka "berfikiran besar" dan "tidak harus bergantung selama-lamanya kepada kuasa dan tongkat politik untuk mencapai kemajuan" telah diterima dengan semangat yang betul?

Atau apakah mungkin berlaku pucuk pimpinan bergerak ke satu arah manakala para pengikut masih kabur dan teraba-raba akan arah baru yang hendak dituju?

Budaya

Bersediakah orang Melayu untuk menukar budaya kerja mereka yang selam ini dibelai dan dimanjakan oleh mentaliti subsidi kepada budaya kerja yang lebih positif supaya tidak terlalu bergantung pada kerajaan untuk kejayaan?

Kalau sudah apakah persiapan yang akan dibuat untuk merealisasikan itu?

Atau apakah dalam perhimpunan akan datang mereka akan mendengarkan lagu lama, melanjutkan irama yang sama, yang telah mereka dendangkan tahun ini dan tahun-tahun sebelumnya?

Jawapan tepat kepada soalan-soalan itu hanya boleh ditentukan oleh masa.

Tetapi sekiranya perbincangan para perwakilan dalam perhimpunan kali ini boleh dijadikan ukuran, tugas menukar minda orang Melayu supaya mengurangkan dan seterusnya mengikis, jika boleh, penggantungan keterlaluan mereka pada kerajaan untuk berjaya da-

lam bidang ekonomi nampaknya tidak mudah.

Ini kerana sekalipun dalam amanat pembukaan Dr. Mahathir secara terang-terang telah menetapkan arah baru pencapaian masa depan bumiputera dalam bidang ekonomi, mesej itu tidak menyerap sepenuhnya ke dalam minda perwakilan.

Masih ada yang bersikap 'masuk telinga kanan keluar telinga kiri'. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sebilangan mereka langsung tidak nampak angin perubahan yang cuba ditiupkan oleh Dr. Mahathir itu.

Ini tercermin dalam ucapan sebahagian besar mereka yang membahaskan ucapan presiden serta tiga usul lain dalam perhimpunan itu. Kebanyakan mereka kekal dengan tabiat lam mereka.

Singkat

Pandangan Dr. Mahathir bahawa tidak ada jalan mudah dan singkat ke mercu kejayaan jelas tidak mendapat perhatian dan telah tidak disentuh langsung atau secukupnya. Kalau tidak masakan Dr. Mahathir terpaksa mengulanginya semula dalam ucapan menggulung perbincangan.

Mereka masih melihat bahawa kuasa politik adalah tongkat ajaib yang perlu digunakan untuk mengubah nasib mereka. Lalu dalam perbincangan, yang mereka pinta ialah kerajaan mestilah terus memainkan peranan *instrumental* dalam menolong usahawan Melayu mendapat agihan kek per-

niagaan yang lebih besar - sesuatu yang tidak sedia dilakukan oleh pucuk pimpinan.

Dr. Mahathir, sewaktu menggulung perbincangan, tidak dapat menyumbungkan kekecewaannya terhadap kegagalan para perwakilan memahami mesej-mesej utama yang ingin disampaikan supaya orang UMNO menguasai ilmu dan teknologi moden dan mengurangkan pergantungan pada kuasa politik untuk mencapai kejayaan.

Lantaran itu, sebahagian besar ucapan penggulungan selama sejam itu ditumpukan kepada memberi peringatan tentang ubat-ubat pahit yang perlu mereka telan untuk berjaya bukan saja dalam perniagaan, tetapi juga bidang-bidang kehidupan yang lain.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa bagi Dr. Mahathir serta pimpinan UMNO yang lain cabaran terbesar selepas Perhimpunan Agung 1992 ini berakhir ialah bagaimana untuk menukar pemikiran lapuk para pemimpin LJMNO di peringkat lebih rendah itu - bahagian dan cawangan - dengan cara yang lebih berkesan.

Tugas ini adalah berat dan tidak harus dibebankan pada bahu Presiden parti semata-mata. Setiap anggota parti mempunyai tanggungjawab untuk membawa pembaharuan dan seterusnya perubahan sikap Jan nilai.

Memanglah untuk mengharap mentaliti bergantung pada tongkat sakti kuasa politik dalam meng-

ingat adalah keterlaluan. Ini kerana pemikiran para perwakilan dan pucuk pimpinan dipengaruhi oleh alam dan persekitaran yang berbeza.

Mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negara-negara bekas komunis, para pemimpin UMNO mungkin berasakan bahawa campurtangan kerajaan tidak boleh menjamin kejayaan mana-mana pihak. Kerajaan boleh memberi bantuan, tetapi cuma hingga tahap-tahap tertentu.

Berubah

Dalam perspektif itu, bagi pucuk pimpinan UMNO, seruan berterusan para perwakilan supaya kerajaan menolong mereka mungkin dianggap tidak lagi berkesan atau bertempat dalam keadaan dan masa yang sudah berubah.

Tetapi untuk mengemukakan mentah-mentah juga tentulah tidak kena. Ialah kerana budaya dan mentaliti subsidi yang telah disemai oleh Dasar Ekonomi Baru dalam konteks zaman yang berbeza, masih tebal dan menguasai para perwakilan.

Sesetengahnya berasa amat selesa dengannya dan mungkin akan menentang jika secara mendadak ada yang mengubahnya.

Dalam perhimpunan

agung yang baru selesai, golongan itu kelihatan masih dominan. Golongan inilah yang perlu dimenangi oleh pucuk pimpinan untuk menayakan revolusi minda baru dalam LJMNO.

Keazaman

Dr. Mahathir dalam ucapan menggulung perbahasannya telah memperlihatkan keazaman untuk menayakan revolusi itu.

Sekiranya pemimpin-pemimpin lain di perbagai peringkat - nasional, negeri, bahagian dan cawangan berkongsi komitmen Mahathir itu, perjalanan untuk menukar minda orang UMNO supaya berfikiran besar dan mengurangkan pengantungan pada kuasa untuk mencapai kejayaan sudah separuh berjaya.

Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perjalanan yang baru saja bermula itu adalah berliku dan penuh ranjau. Juga tidak ada jalan mudah atau jalan singkat.

Barangkali perbincangan dalam perhimpunan tahun depan akan menjadi petanda awal pada harapan dan cita-cita mengubah minda orang-orang UMNO itu.